



Bangunan Teratak Kesumba untuk suri rumah dan kakitangan wanita UMS-KAL juga dibina.

Kakitangan yang mempunyai anak boleh meletakkan anak mereka di Taska UMS-KAL.

Dr Kamaruzaman (tiga kiri) meletakkan papan tanda bangunan Klinik Kesihatan di UMS-KAL.

# RM23 juta untuk naiktaraf UMS-KAL

**LABUAN:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memperuntukkan lebih RM13 juta bagi memastikan pembangunan fasiliti kampus UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di sini dapat dibangunkan secara berperingkat-peringkat pada sesi 2009/2010.

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata pada sesi 2010/2011 pula, UMS menambah sebanyak RM10 juta lagi bagi memastikan semua prasarana termasuk kolej kediaman pelajar dapat dinaiktaraf agar bersesuaian dengan kampus UMS-KAL sebagai sebuah kampus bertaraf antarabangsa.

Katanya, menjelang Disember 2012 atau awal 2013, UMS-KAL akan bertukar imej menjadi sebuah kampus yang benar-benar hebat sebagai kampus ilmu yang dipenuhi dengan kehijauan semulajadi tetapi moden melalui projek Taman Ilmu.

Dr Kamaruzaman berkata pada Januari lalu, pihak universiti telah membelanjakan lebih RM500,000 untuk memastikan bekalan air sebanyak 120,000 gelen yang dibekalkan dapat diagih-agihkan ke setiap blok asrama pelajar melalui tangki-tangki air berkapasiti 5,000 gelen di setiap blok kediaman pelajar.

"Pada Mei 2010, UMS telah membelanjakan RM2.5 juta untuk memastikan bekalan air yang dibekalkan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA) Labuan dapat disalurkan ke setiap aras dan bilik-bilik kediaman setiap pelajar yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Ogos ini," katanya berucap pada Program Jom Ceria UMS-KAL 2010 dan pelancaran program 1Malaysia 1UMS, Kampus Ceria, kelmarin.

Pada program Jom Ceria yang pertama kali diadakan di UMS-KAL itu, Dr Kamaruzaman meletakkan papan tanda bangunan Klinik Kesihatan yang akan beroperasi pada 2011, Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) serta Teratak Kelab Suri dan Kakitangan Wanita UMS (Kesumba) berhampiran kolej kediaman pelajar perempuan dan pelancaran Taman Ilmu UMS-KAL.

Turut hadir dua timbalannya, Prof Dr Rosnah Ismail (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Madya Dr Kassim Mansur (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said, Ketua Pustakawan, Dg Rukiah Ag Amit dan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Dr Kamaruzaman berkata pelbagai masalah yang dihadapi kira-kira 2,000 pelajar Tahun Satu hingga Tiga itu akan berakhir pada penghujung Ogos ini iaitu sebaik sahaja proses pelaksanaan tender bekalan air sejuk dapat disiapkan dan bekalan air dapat disalurkan secara sepenuhnya ke setiap aras kolej kediaman pelajar.

"Semua perubahan ini sememangnya tidak boleh disiapkan dalam tempoh terdekat ini dengan mudah dan tidak boleh dinikmati hanya dengan sekilip mata. Pelbagai perancangan pelaksanaan terpaksa dibuat bagi memastikan semua projek pembangunan itu dapat dijalankan dengan lancar," katanya.

Sehubungan itu, Dr Kamaruzaman memohon kesabaran dan pertimbangan dari setiap warga UMS-KAL termasuk pelajar dan kakitangan supaya usaha berkenaan dapat disiapkan dengan segera tanpa sebarang halangan dan kekangan.

Tambahnya, UMS mahu mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan harmoni serta memberi manfaat kepada semua warga UMS Labuan.

**UNTUK KEINDAHAN...** Abdullah menanam pokok Krismas diperhatikan Pengarah UMS-KAL, Dr Shariff (kiri) dan pelajar UMS-KAL.




**KREATIF ...** Pelajar Tahun Satu membuat formasi 1Malaysia sempena program Jom Ceria UMS-KAL.



Dr Kamaruzaman menyiram pokok Krismas selepas melancarkan program 1Malaysia 1UMS, Kampus Ceria.



**BERI SOKONGAN ...** Program Jom Ceria UMS-KAL 2010 turut dihadiri pensyarah.



Naib Canselor UMS (kanan) dan warga UMS-KAL menyertai senam seni kelolaan Kelab Taming Sari UMS-KAL.



Dr Shariff (kiri) menerangkan mengenai Taman Ilmu kepada Dr Kamaruzaman (tengah), Abdullah (kanan) dan Dr Kassim.

Dr Kamaruzaman bersama tetamu lain menyanyi lagu UMS 'Bertekad Cemerlang'.

Ketibaan Naib Canselor UMS disambut oleh Dr Shariff (dari kiri), Dr Kassim dan Abdullah Mohd Said (kanan).